

27 JUL 1998

MALAYSIA TIDAK AKAN PINDAH DARI TANJUNG PAGAR, KATA MAHATHIR

Oleh: Zulkifli Salleh

SWAKOPMUND (Namibia), 27 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia tidak akan memindahkan pusat Imgresen, Kastam dan Kuarantin-nya (CIQ) dari Tanjung Pagar ke Woodlands.

Perdana Menteri berkata Malaysia berpendapat bahawa sesuatu perjanjian antarabangsa perlu diluluskan Kabinet dan Parlimen.

Beliau berkata sebarang dokumen yang ditandatangani oleh mereka yang bukan ketua kerajaan adalah tidak mencukupi.

"Itu pendirian kita dan kita akan kekal dengan pendirian kita," katanya kepada wartawan Malaysia yang membuat liputan penyertaan beliau pada Dialog Antarabangsa Selatan Afrika di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas penyiaran dokumen-dokumen rasmi antara Malaysia dan Singapura mengenai Tanjung Pagar oleh pihak media Singapura, yang kelihatan mahu memperkuatkan kedudukan republik itu mengenai perkara itu.

Malaysia juga mempunyai surat-surat berkenaan tetapi tidak mempamerkannya, kata beliau.

--BERNAMA

ZKS NAK